



Cabaran CATUR BISTARI KFC

Peringkat Kebangsaan 2008/2009

Oleh : Fathul Azan Faezan

PERSADA Johor, Johor Bahru, 10 Januari 2009 Buat julung-julung kalinya Johor Corporation dengan kerjasama KFC Holdings menganjurkan Cabaran CATUR BISTARI KFC Peringkat Kebangsaan 2008/2009. Dengan hadiah-hadiah yang ditawarkan iaitu sebuah kereta Proton Saga, pakej percutian ke Gold Coast Australia, Beijing serta Jakarta telah berjaya menarik perhatian lebih daripada 100 pasukan menyertainya. UniMAP telah menghantar 9 orang pelajar untuk mewakili Negeri Perlis dan 4 kumpulan untuk mewakili UniMAP iaitu seramai 24 orang. Biarpun menempuh perjalanan yang agak jauh dan memerlukan dedikasi, ditambah pula dengan persaingan yang agak ramai, namun ianya tidak menjadi penghalang serta memadam semangat para pelajar untuk memburu kemenangan. Dengan nilai jualan aset yang terkumpul sebanyak RM 32 Juta, Kumpulan 2 UniMAP telah berjaya mendapat tempat ke-3 keseluruhan. Dengan kemenangan tersebut, hadiah berupa pakej percutian ke Jakarta selama 3 hari 2 malam berjaya dibawa pulang. Hadiah disampaikan oleh Pengarah Urusan Johor Corporation, Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim.

Sekalung Tahniah diucapkan!!!